

# TEKS UCAPAN

YBHG. KOL. PROF. DATUK DR. KAMARUZAMAN HJ. AMPON  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DI  
MAJLIS PENUTUPAN BENGKEL PENULISAN BUKU

TARIKH: 18 DISEMBER 2008 (KHAMIS)

MASA: 1.00 PETANG

TEMPAT: GYM CAFE, TKT. 12  
HOTEL IMPERIAL, KOTA KINABALU



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Bismillahirrahmanirahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang dihormati saudari Pengerusi Majlis,

Yang Berusaha Prof. Dr. Mohd. Sarim Hj. Mustajab

Ketua, Unit Penerbitan

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Satapah Ahmad

Pengarah Penerbit UTM

Yang Berusaha Prof. Madya Issham Ismail

En. Khalid Mazlan  
Ketua Pegawai Penerbitan UTM

En. Mohd. Zubil Bahak

Tuan-tuan dan Puan-puan, para peserta yang saya hormati sekalian. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Unit Penerbitan dan Jabatan Pendaftar kerana berjaya mengadakan Bengkel Penulisan Buku yang telah berlangsung dari 16 hingga 18 Disember 2008. Kepada para peserta yang datang dari luar UMS, terima kasih atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan melapangkan masa menghadiri bengkel anjuran Universiti Malaysia Sabah sekaligus menyokong usaha kerajaan menyemarakkan lagi arena penulisan.

Menjadi hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hub kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Oleh yang demikian, perancangan ini tentunya memerlukan sandaran daripada industri penerbitan khususnya dalam bidang ilmiah sebagai salah satu daripada syarat untuk mendapatkan ilmu dalam pendidikan. Maka, usaha memperkasakan industri penerbitan ilmiah adalah relevan. Pemerksaan industri ini pula perlulah disokong dengan usaha menulis buku-buku yang bermutu.

Untuk menggerakkan usaha tersebut pula, wahana untuk mengasah kemahiran, meningkatkan ilmu serta mendedahkan para pihak yang terlibat dapat dicapai menerusi bengkel seumpama ini.

Di institusi pengajian tinggi, kecemerlangan universiti dan para akademianya turut dilihat dari aspek penyelidikan dan penerbitan. Semakin banyak hasil penyelidikan yang diterbitkan, bertambah tinggilah tahap keserjanaan seseorang pensyarah itu.

Saya dimaklumkan bahawa para peserta bengkel ini juga terdiri daripada para pustakawan, penyelidik dan kakitangan pentadbiran yang berkhidmat dengan agensi kerajaan. Usaha tuan-tuan dan puan-puan menghadiri bengkel ini harus dipuji kerana mempunyai inisiatif untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang penulisan buku. Ilmu yang diperoleh kelak tentunya dapat dimanfaatkan untuk manfaat kerja dan organisasi masing-masing.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Bidang penulisan khususnya buku sangat berpengaruh dalam usaha membina kemajuan dan tamadun sesebuah negara. Oleh itu, kepada para penjawat awam yang berkhidmat untuk bangsa dan negara, tuntutan dan kepentingan masyarakat perlu diambil kira dalam penerbitan buku. Ini adalah agar kita dapat memainkan peranan sebagai agen pembangunan negara yang efektif.

Menerusi bengkel ini diharapkan para peserta akan memperoleh sedikit sebanyak ilmu mengenai teknik-teknik penulisan yang betul dan efektif dalam menghasilkan buku selain dapat meningkatkan kecekapan. Bahkan, melalui pendedahan selama tiga hari ini pihak

penganjur mengharapkan agar selepas ini minat anda semua akan bertambah untuk terus menulis, menerbitkan buku dan menghasilkan penulisan yang bermutu dalam pelbagai genre.

Semoga usaha murni UMS menganjurkan bengkel ilmiah sebegini akan terus mendapat sambutan pada masa hadapan. Kepada para peserta, teruskan usaha memperkayakan ilmu pengetahuan masing-masing untuk kebaikan diri dan organisasi.

Saya akhiri ucapan ringkas pada majlis yang amat bermanfaat ini dan dengan lafaz bismillahirrahmanirahim, saya merasmikan penutupan Bengkel Penulisan Buku UMS 2008 pada petang ini.

**Sekian, terima kasih.**